

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI

UTHM/PB/100-6/4/1Jld 3 (34)

Tarikh: 4 Jun 2024

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2024

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Yang Berhormat Prof. Dato'/YBhg. Prof./Tuan/Puan,

**PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA MUAT NAIK DOKUMEN SOKONGAN eCLAIM DI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penambahbaikan proses kerja muat naik dokumen sokongan eClaim di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pada masa ini pelaksanaan proses pembayaran tuntutan perjalanan dalam negeri secara digital sepenuhnya di UTHM adalah merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil 2/2024 (Garis Panduan Pelaksanaan Proses Pembayaran Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri Secara Digital Sepenuhnya Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- 2.2 Berdasarkan Pekeliling Bendahari Bil 2/2024 di perenggan 3.2.1 berkaitan tatacara muat naik dokumen sokongan menyatakan bahawa staf perlu mendapatkan pengesahan dan cap pada resit/bil/invois asal. Resit/bil/invois perlu disahkan oleh Pegawai Penilai Pertama/Ketua Jabatan/Pengurus

Bahagian atau pegawai yang diberikan penetapan kuasa sebelum dokumen dimuat naik di eClaim.

- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 3/2024 yang bersidang pada 19 Mei 2024 telah meluluskan Cadangan Penambahbaikan Proses Kerja Muat Naik Dokumen Sokongan eClaim Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

3.0 PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA MUAT NAIK DOKUMEN SOKONGAN eCLAIM

Penambahbaikan proses kerja muat naik dokumen sokongan di eClaim adalah seperti berikut :

- 3.1 Staf tidak perlu mendapatkan pengesahan dan cap pada resit/bil/invois. Staf yang membuat tuntutan bayaran memperakukan dokumen sokongan elektronik yang dikemukakan adalah bagi tujuan tugas rasmi dan pegawai bertanggungjawab sepenuhnya ke atas tuntutan yang dikemukakan secara dalam talian.
- 3.2 Staf perlu untuk membuat perakuan pegawai yang membuat tuntutan perjalanan dalam negeri secara digital seperti di **Lampiran 1** sebelum menghantar tuntutan melalui eClaim.
- 3.3 Tatacara tuntutan perjalanan dalam negeri secara digital yang lain adalah seperti di dalam pekeliling yang sedang berkuat kuasa.
- 3.4 Pengurus Bahagian adalah bertanggungjawab menentukan tuntutan staf itu adalah benar, sahih dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Universiti.

4.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, maka klausa di dalam pekeliling berikut adalah dibatalkan :

Klausa 3.2.1 di dalam Pekeliling Bendahari Bil 2/2024 – Garis Panduan Pelaksanaan Proses Pembayaran Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri Secara Digital Sepenuhnya Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

5.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa untuk tuntutan perjalanan dalam negeri mulai pergerakan bulan Mei 2024 dan perlu dibaca bersama dengan Pekeliling Bendahari dan Surat Pekeliling Bendahari lain yang berkaitan serta masih berkuatkuasa.

Kerjasama dari Yang Berhormat Prof. Dato'/YBhg. Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memaklumkan penguatkuasaan pekeling ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

“MALAYSIA MADANI”

Yang benar,



NORZAIMI BIN HAMISAN

Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k
- Yang Berhormat Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Ketua Unit Audit Dalam